

**TEKS UCAPAN**  
**LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,**  
**REKTOR KUKUM**  
**BERSEMPENA DENGAN**  
**'PROGRAM KUKUM BERSAMA SEKOLAH BERASRAMA PENUH**  
**2006"**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Dihormati Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Dekan PKKK, En Ku Halim Ku Ariffin

Yang Berusaha En. Muhammad Zaini Ahmad selaku Pengerusi Program  
KUKUM Bersama Sekolah Berasrama Penuh 2006

Ketua-Ketua Jabatan, Guru-Guru Pengiring dan Para Pelajar Program  
“KUKUM Bersama Sekolah Berasrama Penuh 2006”

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan kurnia-nya dapat kita berkumpul bagi menjayakan program “KUKUM Bersama Sekolah Berasrama Penuh 2006”. Selamat datang ke KUKUM.

Terlebih dahulu izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua sekolah yang terlibat dalam program ini iaitu:

1. Sek.Men.Sains Pokok Sena.
2. Sek.Men. Teknik 2 (Sungai Petani)
3. Sek.Berasrama Penuh Integrasi Kubang Pasu (Bukit Kayu Hitam)
4. Sek. Men. Sains Tun Syed Sheikh Shahabudin (Bukit Mertajam,Pulau Pinang)
5. Sek.Berasrama Penuh Integrasi Gopeng (Gopeng)
6. Sek.Men.Sains Raja Tun Azlan Shah( Taiping,Perak)

Dan tidak lupa juga sekalung tahniah diucapkan kepada Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawan selaku pengajur program yang menunjukkan komitmen yang tinggi dalam usaha mencanai idea, mensinergikan tenaga, menyempurnakan kerja, menzahirkan upacara, sehingga program ini terlaksana dengan jayanya.

Hadiran sekalian,

KUKUM telah mengalami perubahan yang agak pesat. Bermula dengan sebuah bangunan kampus sementara di Kubang Gajah pada penghujung tahun 2002, kini telah berkembang ke kawasan-kawasan lain di sekitar perlis dengan jumlah enrolmen pelajar lebih daripada 2,000 orang yang mendaftar dalam 12 program akademik peringkat Sarjana Muda dan Sarjana. Pada bulan Jun ini, bilangan program akademik peringkat Sarjana Muda kita akan meningkat kepada 15.

Para pelajar yang dikasihi,

Jika kita menoleh sejenak ke belakang, ingin saya membawa anda semua menyusuri sejarah awal penubuhan KUKUM. Pada mulanya hanya terdapat dua buah pusat pengajian yang menawarkan dua program iaitu pusat pengajian kejuruteraan Mikroelektronik dan pusat pengajian kejuruteraan Komputer dan perhubungan dengan pelajar sulungnya yang berjumlah 108 orang. Namun setelah menjangkau 4 tahun bertapak di negeri perlis ini, KUKUM telah berjaya mengembangkan sayapnya bagi membangunkan sebuah gapura ilmu yang mana struktur kurikulumnya disusun dengan berkonsepkan latihan secara 'hands-on' bagi menghasilkan jurutera yang berkebolehan dalam merekabentuk, membuat peralatan, menguji dan menyelenggara serta mengaplikasi sebarang konsep teori. Program akademik KUKUM adalah berasaskan 60% pengajaran dalam bentuk praktikal dan 40% dalam bentuk pengajaran teori.

Kurikulum yang disediakan di KUKUM telah direkabentuk agar seimbang dan selaras dengan falsafah universiti ini iaitu untuk melahirkan graduan-graduan yang mempunyai sahsiah yang mulia dan terpuji. Aspek-aspek pembangunan sahsiah dan jati diri diseimbangkan dengan kecemerlangan akademik. Kini KUKUM boleh berbangga dengan produk pertama KUKUM iaitu graduan-graduan sulung KUKUM akan bergraduat pada bulan Julai 2006 dan apa yang lebih membanggakan pelajar-pelajar yang dihasilkan oleh KUKUM diterima baik oleh pihak industri di Malaysia.

Para pelajar sekalian,

Ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan menjadi agenda utama di KUKUM. Oleh itu, kami di KUKUM bertanggungjawab untuk melahirkan bakal graduan yang berkualiti. Malahan program-program yang ditawarkan di KUKUM adalah mengikut perkembangan semasa dunia globalisasi pada hari ini. Sehingga kini terdapat 15 program-program di peringkat sarjana muda seperti kejuruteraan mikroelektronik, elektronik industri, elektronik, komputer, perhubungan, sistem elektrik, metalurgi, reka bentuk produk, mekanikal, mekatronik, pembuatan, bahan, alam sekitar, bioproses dan elektronik bioperubatan yang ditawarkan di KUKUM dan program-program ini merupakan kursus-kursus kejuruteraan yang mempunyai prospek yang cerah dalam bidang industri.

KUKUM juga menawarkan pengajian di peringkat diploma yang akan bermula pada semester akan datang dengan memperkenalkan lima program diploma seperti kejuruteraan Mikroelektronik, Komputer, Pembuatan, Metalurgi, Mekatronik dan Elektrik. Malahan program-program kujuruteraan di KUKUM juga mendapat pengiktirafan EAC (Engineers Accreditation Council). Oleh itu kami di KUKUM sentiasa berusaha menyediakan ruang pembelajaran yang komprehensif agar setanding dengan universiti konvensional yang sedia ada. Pelajar tidak lagi didedahkan dengan konsep pembelajaran bercorak tradisional di mana pelajar dilambakkkan dengan konsep teori semata-mata. Ini dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar untuk bersiap sedia menerjah alam kerjaya yang amat mencabar.

Para pelajar sekalian,

Dalam mengejar kecemerlangan, kita perlu mengubah budaya yang lebih mengutamakan perkara yang mudah daripada mencuba mengatasi cabaran. Apabila kita mencari perkara yang mudah, kita akan menjadi lemah. Masalah kita pada hari ini ialah menggunakan tongkat berdiri berdiri di atas kaki sendiri. Kejayaan tidak datang dengan mudah seperti kata ahli falsafah Yunani, Aristotles '*the roots of education are bitter, but the fruit is sweet*'. Jadi, kita perlu bekerja dengan lebih kuat untuk mencapai kejayaan yang cemerlang. Atas sebab itulah universiti ini telah meletakkan sasaran untuk menjadi universiti yang bertaraf dunia. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada anak-anak pelajar sekalian agar menggunakan sumber yang ada ini untuk membentuk jaringan serta menggunakan segala kemudahan yang ada secara optimum dan menekankan aspek-aspek yang dapat meningkatkan pencapaian akademik, kebajikan serta membina keperibadian atau sahsiah yang tinggi. Dunia dalam abad ke-21 ini penuh dengan cabaran dan menuntut perubahan yang sangat hebat. Oleh itu jadikanlah diri anda sebagai insan yang cemerlang dalam segala aspek supaya sentiasa berdaya saing. Gunakanlah segenap peluang yang datang kepada anda serta potensi diri dengan sebaik yang mungkin.

Para pelajar sekalian,

Anda merupakan *the engine of growth* masa depan negara. Anda mempunyai tugas dan agenda yang berat untuk memberi sumbangan dan komitmen kepada pembangunan tamadun masyarakat madani. Justeru, anda merupakan harapan dan bakal menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan perlu menyiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan

keterampilan diri. Negara memerlukan para cendekiawan yang boleh memberi sumbangan yang positif dan efektif terhadap kemajuan dan kesejahteraan negara secara mampan. Saya amat berharap para pelajar yang berada di hadapan saya pada hari ini agar dapat melangkahkan kaki ke menara gading. Senario dunia hari ini telah menuntut kita menjadi insan yang lebih kompetitif dalam pelbagai aspek. Anda, merupakan aset penting dalam masyarakat. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk belajar secara bersungguh-sungguh dan memperoleh pencapaian yang cemerlang sama ada dalam bidang akademik maupun kokurikulum. Dengan kecemerlangan dalam dua aspek penting ini sudah cukup jelas untuk menterjemahkan tanggungjawab anda sebagai mahasiswa universiti. Sesungguhnya pada pandangan saya program “KUKUM bersama sekolah berasrama penuh kawasan utara” ini memberi signifikasi yang besar kepada para pelajar bagi meneruskan pencarian ilmu ke peringkat yang lebih tinggi. Semuanya terletak di tangan pelajar sendiri sama ada mahukan masa depan yang gemilang di kemudian hari atau sebaliknya. Malahan kami di KUKUM sentiasa mengalu-alukan kedatangan para pelajar ke KUKUM.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya bagi pihak Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat khususnya kepada para pengetua sekolah dalam memberi sokongan menjayakan program kami pada hari ini. Sesungguhnya program pada hari ini secara tidak langsung akan dapat menjana sebuah perhubungan yang lebih erat di masa-masa akan datang antara KUKUM dan pihak sekolah. Saya ingin mengalu-alukan sebarang cadangan, saranan maupun pandangan dari pihak pengurusan sekolah-

sekolah yang terbabit bagi proses penambahbaikan untuk kebaikan kita secara bersama.

Dengan lafaz bismillah saya merasmikan “Program KUKUM Bersama Sekolah Berasrama Penuh 2006” kali yang kedua.

Sekian,

Terima kasih.